

**TEKS UCAPAN ALUAN NAIB CANSOLOR
SEMPENA MAJLIS PROMOSI UPM BERSAMA MEDIA**

KAFE L'APPRENTI UPM

19 APRIL 2024

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Malaysia Madani.

Terima Kasih Saudari Pengerusi Majlis,

YBhg. Prof. Dr. Ismi Arif Ismail

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Arifin Abdu

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

YBhg. Prof. Dr. Hang Tuah B.T. Baharudin

Timbalan Naib Canselor (Jaringan, Industri dan Masyarakat)

YBhg. Prof. Madya Dr. Dahlia Zawawi

Pengarah Pusat Strategi dan Pengurusan Korporat UPM

Ahli-ahli Pengurusan Universiti, Rakan-rakan media

Serta hadirin sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah S.W.T dapat kita bersama pada petang ini. Dikesempatan ini ingin saya ucapkan Salam Aidilfitri kepada semua yang hadir. Dan yang lebih penting, dihari yang baik ini serta dalam bulan yang penuh dengan keberkatan ini dapat kita berkumpul merapatkan lagi ukhwah sesama kita.
2. Saya mewakili seluruh warga UPM mengalu-alukan rakan-rakan media yang berkesempatan hadir ke majlis ini serta mengucapkan **Selamat Datang ke Kampus Hijau Paling Lestari 2023.**
3. Universiti Putra Malaysia telah diiktiraf sebagai Kampus Paling Lestari Negara dan ke-27 dunia bagi tahun 2023. Pengiktirafan ini diberikan oleh badan dunia iaitu Ui-GreenMetric World Ranking Universities.
4. Komitmen UPM tentang kelestarian hijau termaktub dalam Matlamat 5 Pelan Strategi UPM 2021-2025 iaitu Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau.
5. Dalam pada itu, pertanian merupakan bidang tujahan utama UPM. Terbaharu, subjek Pertanian dan Perhutanan UPM berada ditangga ke-75 dunia oleh badan penarafan QS World University Ranking by Subject 2024 yang telah diumumkan pada 10 April yang lalu. Ini menunjukkan UPM telah diiktiraf sebagai universiti yang mempunyai reputasi antarabangsa.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

6. Agenda Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga telah saya gariskan sebagai True North UPM bagi membantu negara menangani isu ini. Ini dapat dilihat melalui penawaran program akademik meliputi 31 program sarjana muda, 14 program master secara kerja kursus dan 194 bidang pengajian pasca siswazah berkaitan pertanian, pertanian pintar dan Internet Pelbagai Benda (IoT) yang merentasi disiplin ilmu.
7. Antara lainnya, UPM menjenamakan PUTRA iaitu Pertanian untuk Rakyat. Melalui jenama ini, satu blueprint Keterjaminan Makanan telah dihasilkan yang kini diperingkat akhir dan seterusnya penganjuran Karnival Keterjaminan Makanan Kebangsaan pada bulan Jun nanti bakal dilaksanakan.
8. Blueprint ini adalah gembleran sekumpulan pakar iaitu warga UPM yang merupakan pelan tindakan strategi UPM dalam membantu menangani isu pertanian dan keterjaminan makanan negara. Kita tidak mahu bekerja secara silo, secara sendirian, jadi kita hasilkan blueprint ini supaya semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memenuhi agenda ini.

9. Begitu juga dengan penganjuran Karnival Keterjaminan Makanan yang saya sebutkan tadi, kita akan melibatkan agensi-agensi pertanian dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, pengusaha ladang, pemain industri serta masyarakat bersama-sama berganding bahu mencari jalan penyelesaian agenda ini.
10. Ini adalah "on top of" aktiviti rutin yang sering dijalankan oleh UPM seperti khidmat nasihat pertanian, klinik pertanian, pengembangan pertanian kepada kumpulan komuniti disamping membantu komuniti menjana pendapatan sampingan seperti IPR-INTAN@UPM, Putra-PERHEBAT, Pro-Best dan macam-macam lagi.

Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh keluarga UPM ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan media yang telah sekian lama bersama dengan UPM. Memberi peluang kepada **1,661** orang pakar UPM berstatus PhD untuk berkongsi kepakaran masing-masing kepada masyarakat, untuk kebaikan bersama.
12. Kami mengharapkan kerjasama ini akan terus terjalin dengan harmoni sampai bila-bila.

13. Kami mendoakan tuan-tuan dan puan-puan yang ada disini hari ini, agar Allah S.W.T berikan kesihatan dan kesejahteraan kepada kita semua, dan setiap yang kita lakukan mendapat keredhaan dari-Nya.

14. Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.